

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
[AMPANG – PKR]**

SOALAN (NO. 468)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apa-apa usaha untuk membina kompleks sukan khusus buat wanita.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) belum bercadang untuk membina kompleks sukan khusus buat wanita. Pembinaan kompleks sukan yang baharu dan naiktaraf kemudahan sedia ada adalah untuk kegunaan semua lapisan masyarakat tanpa mengira status usia, keadaan fizikal dan gender.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN [
KELANA JAYA]**

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersetuju untuk memastikan peta dalam format digital setiap konstituensi pilihan raya disediakan untuk kegunaan awam, atau sekurang-kurangnya untuk kegunaan parti-parti politik berdaftar. Mengapakah peta digital sebegini masih tidak tersedia.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan urusan Kajian Semula Persempadan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri pada kali ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah memuat naik rang pelan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan Negeri di laman web SPR untuk pemakluman umum. Justeru itu, rang pelan persempadanan tersebut boleh diakses dan dimuat turun melalui laman web SPR iaitu “www.spr.gov.my”.

Sekian. Terima kasih.